

## CSR Perangsang Selangor ceriakan penduduk

Nurul Firdaus Khairi | 26 Ogos 2018



Mohd Fauzi sempat beramah mesra bersama penduduk, Muhammad Ale sempena aktiviti gotong-royong di rumahnya.

KUALA LANGAT - **Perangsang Selangor** menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) berjaya mengaktifkan warga penduduk Kampung Sungai Lang Tengah dengan pelbagai aktiviti menarik sempena Singgah Mesra Perangsang Selangor Siri Kedua ke Daerah Kuala Langat.

Program jelajah ke seluruh daerah di negeri ini dengan kerjasama akhbar Sinar Harian dan Kelab Sahabat Generasi Dinamik Malaysia (Genesis) ini memberi peluang kepada warga kerja Perangsang Selangor mendekati masyarakat.

Ketua Pegawai Operasi Perangsang Selangor, Suzila Khairuddin berkata, program menyantuni golongan asnaf dan kurang bernasib baik itu turut dilakukan menerusi pelbagai aktiviti kemasyarakatan termasuk gotong-royong, ziarah, program keagamaan, sukaneka, kenduri rakyat dan sebagainya.



Menurutnya, program kali ini juga turut mendapat tajaan barangan keperluan harian dari Pasaraya Econsave serta sokongan daripada Eco Free Market.

"Program Eco Free Market antara program yang mendapat sambutan menggalakkan sekali gus memberi peluang orang ramai terutamanya individu yang kurang berkemampuan berpeluang untuk mendapatkan pelbagai jenis barangan terpakai secara percuma.

"Manakala aktiviti gotong-royong di rumah penduduk turut memberi keceriaan kepada keluarga berkenaan dalam menjalani kehidupan yang selesa," katanya dalam Siri Jelajah Perangsang Selangor ke Kampung Sungai Lang Tengah.

Dalam program itu, pelancaran simbolik Hijau Bumi Tuhan iaitu aktiviti menanam pokok buah-buahan di sekitar kawasan masjid, penyampaian sumbangan kepada 26

penerima asnaf serta jamuan kenduri rakyat turut diadakan.

Hadir sama, Pengarah Bersekutu Perhubungan Awam Media dan CSR, Mohd Fauzi Mohd Ghazali, Penolong Editor Sinar Harian, Izwan Rozlin dan Pengurus Besar Econsave Wilayah Tengah, Wong Yun Fatt.

Sementara itu, seorang penduduk, Muhammad Ale Sallahuddin, 72, melahirkan rasa gembira apabila Perangsang Selangor singgah mengadakan aktiviti gotong royong di rumahnya.

Menurut Muhammad Ale, dia berdepan dengan masalah kesihatan dan berterima kasih dengan kunjungan pelbagai pihak membantu menceriakan kawasan rumahnya dalam program berkenaan.

"Alhamdulillah, terima kasih banyak atas bantuan yang dihulurkan," ujarnya.

<http://www.sinarharian.com.my/edisi/selangor-kl/csr-perangsang-selangor-ceriakan-penduduk-1.872348>